KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH			
TARIKH	:	11/10/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	14
JABATAN	:	JPSM			

Lebuhraya Kota Bharu-Kuala Krai

BH,11 Okt 2021_14

'Kawasan hutan simpan kekal perlu diganti'

Kota Bharu: Kawasan hutan simpan kekal perlu digantikan sekiranya ada sebahagian daripadanya termasuk dalam jajaran pembinaan lebuh raya Kota Bharu-Kuala Krai.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA), Datuk Seri Takiyuddin Hassan, berkata pihaknya difahamkan sebahagian hutan simpan kekal di Ulu Sat, Machang termasuk dalam pembinaan lebuh raya yang dijangka siap pada 2025.

"Kalau ia melalui kawasan hutan simpan kekal, ia perlu digantikan dan itu dasarnya.

"Di kawasan Ulu Sat dikatakan masuk, apa pun perlu gantilah dan ia akan diputuskan oleh Majlis Tanah Negara," katanya semalam.

Lebuhraya Kota Bharu-Kuala Krai akan bersambung dengan Lebuh Raya Central Spine Road (CSR) bagi meningkatkan aksesibiliti dan mobiliti laluan ke Pantai Timur.



Takiyuddin Hassan

Dalam perkembangan lain ketika diminta mengulas audio mirip suara seorang pemimpin PAS yang didakwa mempertikai kepimpinan Datuk Seri Hadi Awang tular di media sosial kelmarin, Takiyuddin yang juga Setiausaha Agung PAS tidak mahu mengulas.

"Saya orang undang-undang tak buat apa-apa komen berdasarkan andaian kerana ia perlu dibuktikan terlebih dahulu. Kalau ada laporan polis, biar polis siasat dan kita ikut undang-undang, tak main andaian," katanya.

Kelmarin, rakaman audio tular rakaman audio di Facebook yang antara lain mendedahkan pemimpin PAS dinamakan Dr T itu mendakwa, Hadi percaya Perikatan Nasional (PN) lebih berpengaruh berbanding Barisan Nasional (BN).